

KESELARIAN DI ANTARA PANTUN MELAYU DENGAN SAJAK DINASTI TANG*

LAURENT METZGER

Walaupun bahasa Cina dan bahasa Melayu terdiri dari dua rumpun bahasa yang sangat berlainan, walaupun kedua-dua sastera agak jauh satu sama lain, terdapat pula beberapa persamaan di antara kedua-dua bahasa itu.

Misalnya kedua-dua bahasa itu selalu menggunakan penjodoh bilangan, sedangkan sifat ini jarang diperhatikan dalam banyak bahasa Eropah. Biasanya dalam kedua-dua bahasa sifat umum mendahului sifat tertentu. Sebagai contoh penyampaian waktu seringkali mengikuti cara itu. Ungkapan "Seminggu sekali" mengikut susunan yang sama dalam bahasa China "一个星期一次"

Namun dalam bahasa Inggeris dan Perancis, susunan berlainan: "Once a week" dalam bahasa pertama dan "une fois par semaine", dalam bahasa kedua.

Bahasa China dan Melayu lebih terperinci dalam penggunaan kata ganti. Misalnya terdapat satu perbezaan di antara "Kami" dan "kita", yang sama dengan "我们的" dan "咱们的" dalam bahasa China. Jelaslah dalam bahasa-bahasa Eropah perbezaan ini langsung tidak wujud.

Jadi jikalau terdapat banyak persamaan di antara dua bahasa yang pasti dianggap jauh satu sama lain - kemungkinan besar sebab-sebab kewujudan persamaan tersebut

FOREWORD

I am pleased to write this short foreword to introduce the Department's Seminar and Occasional Papers Series. The series provides the opportunity for staff members of the Department as well as scholars of Malay Studies in general to have their research findings on Malay subjects made known to a wider audience. It is also hoped that this initiative will provide the avenue for a beneficial exchange of ideas and viewpoints on Malay issues between town and gown.

The Department would like to thank Hotel Properties Pte Ltd for sponsoring the publication of the series.

Finally, it should be mentioned that the views expressed in the seminar and occasional papers series are those of the respective authors.

October 1996

Professor Tham Seong Chee
Head
Department of Malay Studies

berpunca dari hakikat bahawa kedua-dua bahasa terkandung dalam lingkungan bahasa benua Asia; jadi persamaan itu pasti didapati dalam bahasa Asia yang lain - bolehkah kita dapati persamaan yang serupa dalam sastera?

Sebenarnya pendapat ini sudah diperhatikan dalam sejarah. Misalnya Hans Overbeck pernah merapatkan Pantun Melayu daripada sajak China dalam rencananya dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, pada tahun 1922.¹ Akan tetapi apa yang dihuraikan oleh beliau ialah pilihan kata serta persamaan bunyi.

Sebenarnya kita dapat memperhatikan satu persamaan yang amat menarik iaitu persamaan yang wujud di antara satu keistimewaan yang ada dalam sastera Melayu - iaitu Pantun, oleh sebab pantun tidak wujud dalam sastera lain sebagai sesuatu yang asli, sedangkan syair, hikayat dan jenis sastera zaman ini seperti cerpen, sajak, novel dan drama, boleh didapati hampir dalam semua sastera - dengan sajak China.

Apakah persamaan itu? Bagi saya, persamaan yang agak ketara di antara kedua-dua jenis bentuk sastera itu iaitu keselarian yang dapat diperhatikan dalam Pantun Melayu dan Sajak Dinasti Tang. Kita semua sedar bahawa, dalam pantun, iaitu pantun empat baris, terdapat bahagian pertama yang dipanggil pembayang, iaitu kedua-dua baris pertama daripada satu pantun empat baris dan maksud, iaitu kedua-dua baris terakhir.

Terlebih dahulu kita mesti akui bahawa Pantun Melayu agak unggul oleh sebab bentuk sastera itu sudah lama wujud dalam masyarakat Melayu, begitu kaya dari segi jumlahnya² dan sudah banyak diperbincangkan dalam sejarah dan masih pada masa ini³

dalam bentuk rencana, kertas kerja dan buku, baik oleh pakar tempatan mahupun dari luar negara dalam sejarah dan juga pada masa ini.

Walau bagaimanapun bolehkah kita rasa puas hati dengan kajian-kajian tersebut yang memang begitu pelbagai dan banyak?

Jawapan saya kurang pasti, oleh sebab Pantun Melayu jarang diperhatikan dalam kesemua sifatnya. Biasanya para pengkaji begitu tertarik oleh bahagian kedua pantun itu, iaitu maksud bentuk sastera itu. Misalnya dalam karya "Kurik Kundi Merah Saga", terdapat satu indeks pantun melalui maksud. Akan tetapi tidak ada indeks yang sama mengikut pembayang. Adakah pembayang tidak penting dan tidak payah dikaji oleh pakar?

Nampaknya unsur tatasusila atau nasihat yang terkandung dalam pantun, iaitu dalam maksud, diberi tumpuan oleh para pakar sedangkan bahagian pembayang tidak diberi satu perhatian secara mendalam.

Perkara ini sudah jelas dalam karya Daillie (1988), apabila beliau menulis "Moreover, a pantun reduced to its "maksud" is no longer a pantun..." (hlm 92-93).

Di dalam keadaan ini saya ingin mengemukakan satu hipotesis, pertama kedua-dua bahagian yang wujud dalam pantun sekurang-kurangnya sama pentingnya dan kedua, sebenarnya perkara ini lebih penting lagi, oleh sebab pilihan pembayang tidak sewenang-wenang, akan tetapi untuk menyampaikan satu maksud sebenarnya kita haruslah menggunakan satu pembayang tertentu. Dengan ini terdapat satu hubungan

yang begitu ketara di antara kedua-dua bahagian daripada pantun. Dengan kata lain, terdapat satu keselarian di antara kedua-dua bahagian pantun.

Memang para pengkaji Pantun Melayu dari semasa ke semasa sudah mencuba mencari sama ada terdapat satu hubungan di antara kedua-dua bahagian pantun itu. Misalnya F R Dailie menamakan bab lima dalam karyanya "The Eternal Controversy", apabila beliau mengemukakan perkara hubungan di antara kedua-dua bahagian dalam pantun. Walau bagaimanapun mereka tidak begitu berjaya, oleh sebab mereka tidak pasti bahawa satu keselarian memang terkandung dalam semua pantun atau sekurang-kurangnya hampir dalam semua pantun empat baris.

Secara kebetulan keselarian yang diperhatikan dalam sajak sastera China dari Dinasti Tang⁴, walaupun diakui, kadang-kadang tidak diterima sebagai satu keselarian⁵, atau seringkali tidak disebut, oleh sebab satu perhatian besar diberi kepada unsur-unsur persajakan yang lain, seperti nada, rima dan lain-lain.

Berhubung dengan hipotesis saya, memang beberapa tokoh sudah mencuba mencari kewujudan satu hubungan nyata di antara kedua-dua bahagian dalam serangkap pantun. Walau bagaimanapun nampaknya akhirnya pembayang tidak diambil berat oleh mereka. Misalnya, menurut Prof Mohd Taib Osman, pembayang hanya merupakan "sesuatu yang teknikal"⁶. Bolehkah kita terima sebulat suara satu kenyataan yang sedemikian rupa? Atau, apakah pembayang bermaksud jauh lebih daripada hanya satu pembukaan, satu permulaan atau satu unsur ringan?

Jadi dalam hipotesis ini, saya bermula dengan pendapat bahawa sebenarnya pembayang serupa penting jika dibandingkan dengan maksud. Lebih-lebih lagi, saya akan cuba membuktikan bahawa untuk mengemukakan sesuatu maksud satu pembayang tertentu (dan mungkin hanya satu) haruslah digunakan. Jikalau saya dapat membuktikan perkara ini, akibatnya ialah bahawa sebenarnya pantun Melayu lebih unggul lagi dan haruslah menerima satu perhatian yang lebih besar untuk sebab yang baru ditemui.

Apakah kaedah yang saya ikuti untuk membuktikan bahawa pembayang jauh lebih penting daripada apa yang dianggap dahulu? Sebenarnya saya menggunakan kumpulan pantun yang paling besar setakat ini, iaitu "Kurik Kundi Merah Saga" dan mencuba menemui keselarian ini di antara pembayang dan maksud dalam pelbagai pantun yang terkandung dalam koleksi tersebut. Dalam kajian awal ini, saya dapati bahawa sekurang-kurangnya terdapat 13 golongan yang agak jelas dalam perkara ini. Kemungkinan besar saudara-saudari akan bertanya sama ada jumlah ketiga belas golongan itu mencukupi atau tidak untuk membuktikan hipotesis ini. Namun, rasa saya, satu pola dapat diperhatikan dalam hal ini yang membuktikan bahawa pembayang bukan sahaja satu pembukaan, atau penjamu selera, tetapi juga satu bahagian yang sama pentingnya dengan maksud.

Ketigabelas golongan adalah seperti berikut⁷ :

Golongan 1: Tema pembayang: kanak-kanak.
Tema maksud: burung.

Golongan 2: Tema pembayang: buah-buahan.
Tema maksud: perasaan.

Golongan 3: Tema pembayang: bulan.
Tema maksud: cinta.

- Golongan 4: Tema pembayang: bunga.
Tema maksud: perasaan, cinta.
- Golongan 5: Tema pembayang: hutan.
Tema maksud: cinta.
- Golongan 6: Tema pembayang: ikan.
Tema maksud: Perjalanan.
- Golongan 7: Tema pembayang: kain batik.
Tema maksud: cinta.
- Golongan 8: Tema pembayang: pulau.
Tema maksud: kenang-kenangan.
- Golongan 9: Tema pembayang: sayang.
Tema maksud: berseorangan.
- Golongan 10: Tema pembayang: bukit.
Tema maksud: penglihatan.
- Golongan 11: Tema pembayang: pohon, pokok.
Tema maksud: cinta.
- Golongan 12: Tema pembayang: kapal.
Tema maksud: kesungguhan, kegigihan.
- Golongan 13: Tema pembayang: kayu.
Tema maksud: cinta.

Selepas menyenaraikan ketigabelas golongan ini, beberapa perhatian haruslah dibuat.

Pertama kita dapat memperhatikan bahawa tema cinta yang didapati dalam maksud begitu kerap. Hal ini memang betul dan kita semua sedar bahawa salah satu sebab penciptaan pantun ialah untuk menyampaikan secara tersirat atau tersurat perasaan cinta di antara dua kekasih.

Walau bagaimanapun, jika kita mengkaji kumpulan pantun itu secara lebih terperinci, kita dapati bahawa perasaan cinta yang dikemukakan dalam golongan 3, 4, 5, 7, 11 dan 13 sebenarnya agak berlainan satu sama lain. Jadi satu penggolongan yang lebih terperinci dapat dibuat untuk perasaan cinta itu seperti berikut:

Golongan 3: cinta; menunggu kekasih.

Golongan 4: cinta; mencari kepuasan.

Golongan 5: cinta; kecantikan kekasih.

Golongan 7: cinta; serta penghiburan.

Golongan 11: cinta; serta kekuatan.

Golongan 13: cinta; serta penemuan.

Penggolongan yang lebih terperinci ini membuktikan bahawa para pencipta pantun pada zaman dahulu memang pintar dan dapat menggunakan bahasa bukan sahaja secara indah sekali tetapi juga dalam satu susunan makna yang mendalam dan tepat.

Satu perhatian lain dapat dibuat untuk golongan 2, oleh sebab satu sifat agak unggul diperhatikan dalam golongan ini. Sebenarnya nampaknya hampir dalam semua pantun dalam golongan ini terdapat rujukan kepada satu kata ganti, seperti Ku-, Saya atau perkataan seperti "Abang", "Adinda", "Tuan" dan sebagainya. Jadi manusia terkandung dalam golongan itu. Sifat ini memang dapat diperhatikan dalam golongan pantun yang lain akan tetapi jauh lebih ketara dalam golongan kedua ini, di mana hampir setiap pantun mengemukakan rujukan kemanusiaan itu.

Jikalau kita terima hipotesis tadi, maka satu penggolongan baru dapat dibuat untuk membezakan pantun-pantun itu. Sebenarnya kita tidak begitu puas hati dengan penggolongan yang dikemukakan dahulu. Daillie, dalam karyanya (1988) juga menunjukkan bahawa semua penggolongan yang pernah dibuat tidak mencukupi. Kemungkinan besar penggolongan tersebut tidak begitu memuaskan oleh sebab pembayang tidak diambil kira. Namun, jika keselarian diterima, maka keselarian ini dapat diambil untuk mengemukakan penggolongan baru dan kita dapat membentuk satu penggolongan baru daripada ribuan pantun yang pernah dicipta dalam sejarah dunia Melayu.

Dalam sajak China daripada Dinasti Tang, satu keselarian juga didapati. Kadang-kadang hanya unur bunyi yang diberi perhatian. Misalnya dalam rencana yang ditulis oleh Hoong Ah Kong⁸. Walau bagaimanapun keselarian memang menarik di antara kedua-dua bentuk sastera, oleh sebab dalam sajak China, baris 3 selari dengan baris 4 dan baris 5 dengan baris 6. Jadi biasanya terdapat dua keselarian dalam satu sajak. Keselarian ini diperhatikan pada peringkat perkataan. Jadi perkataan "gunung" (山 shan) dibandingkan dengan perkataan "sungai" (江 jiang), atau "bulan" (月 yue) dibandingkan dengan "awan" (云 yun), atau "langit" (天 tian) dibandingkan dengan "laut" (海 hai) dan sebagainya.

Dalam pantun unsur bunyi memang wujud, malah kadang-kadang ulangan bunyi dapat diperhatikan. Walau bagaimanapun keselarian pada peringkat semantik lebih menarik lagi bagi saya atau dengan keselarian semantik ini, pantun menjadi satu bentuk sastera yang lebih unggul lagi.

Apakah kesimpulan yang kita dapat membuat sekarang. Sebenarnya pantun merupakan satu pembinaan yang amat menarik dan yang menunjukkan bahawa kedua-dua bahagian pantun itu sekurang-kurangnya sama pentingnya. Satu perkara lain ialah bahawa pantun memang merupakan satu susunan yang mengikut struktur serta peraturan yang tertentu. Kita sudah sedar bahawa semua sajak klasik, dalam apa-apa bahasa pun, selalu menggunakan satu bentuk tertentu, yang pernah disifatkan sebagai sesuatu yang beku oleh pengkritik sastera Roland Barthes⁹, oleh kerana para penulis klasik tidak bebas dalam pilihan perkataan, ungkapan, metafora dan sebagainya. Sebenarnya mereka hanya mencari apa yang ada dalam bahasa untuk mengemukakan perasaan dan pendapat mereka.

Jadi para pencipta pantun juga terbatas dalam daya penciptaan mereka. Mereka haruslah mengikut peraturan serta susunan yang ditentukan sebelum mereka sempat mengemukakan pantun baru. Sifat ini membuktikan bahawa pantun merupakan satu pembinaan dengan satu peraturan tertentu dan bukanlah satu penciptaan bebas dan sewenang-wenang.

Pantun klasik juga merupakan sesuatu yang beku dan lambang, bandingan tidak terbuka akan tetapi haruslah diambil daripada satu senarai yang sudah lama wujud.

Jadi dengan cadangan saya ini, pembayang diberi satu perhatian yang sewajarnya, pantun diterima sebagai satu pembinaan lengkap, dengan dua bahagian yang sama pentingnya, penggolongan baru dapat dibuat untuk mendaftarkan semua pantun dan kemungkinan pantun akan dihidupkan semula jika pendekatan ini diterima.

Untuk menutup kertas kerja ini izinkan saya mengemukakan serangkap pantun dalam golongan 12 yang dihuraikan di atas:

Kapal terbang dari Tenggara

Membawa rakan dan kawan

Marilah tukang, jangan berlaga

Teruskan sahaja pengajian!

* Kertas Seminar ini merupakan satu salinan baru daripada satu kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing, 20-24 Mei 1996.

Rujukan terpilih:

- Anciennes voix malaises. Pantouns malais présentés et traduits par François-René Daillie, Paris: Les immémoriaux. Fata Morgana, 1993.
- Braasen, W A, Pantouns. Poésies populaires indonésiennes", Cahiers du Sud, 303, 1950, pp 293-306.
- Daillie, René, Quarante pantouns malais, NRF, No 392, Septembre 1985.
- Daillie, René, Alam Pantun Melayu. Studies on the Malay Pantun, Kuala Lumpur: DBP, 1988.
- Dulaurier, Edouard, Le pantoun malais comme une des formes de la poésie lyrique des Malays, in Lettres et pièces diplomatiques écrites en malay, recueillies et publiées pour servir d'exercices de lecture et de traduction aux élèves de l'Ecole Royale et Spéciale des Langues orientales vivantes, Paris: Firmin Didot, 1845.
- Etiemble, René, Du "pantun" malais au "pantoun" à la française, in Quelques essais de littérature universelle, Paris: Gallimard, 1981.
- Fauconnier, Henri, Malaisie, Paris: Stock, 1930, 1987 dan terjemahan ke dalam bahasa Inggeris, The Soul of Malaya, Singapore: Oxford University Press, 1985.
- Hamilton, A W, Malay Pantuns, Pantun Melayu, Singapore: Donald Moore, Eastern Universities Press, 1959.
- Hoong Ah Kong, Pantun Melayu dan Puisi China, Dewan Bahasa, September 1963, hlm 402-406.
- Kumpulan Pantun Terpilih, Diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar, Kuala Lumpur: DBP, 1983.
- Kurik Kundi Merah Saga, Kumpulan Pantun Lisan Melayu, Kuala Lumpur: DBP, 1990.
- Mohd Taib Osman, Bunga Rampai Kebudayaan Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Muhammad Haji Salleh, Preliminary notes on the esthetics of the Malay pantun, Jurnal Budaya Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 4, 1978, pp 70-78.
- Omardin Haji Asha'ari, Kajian Pantun Melayu, Singapura: Malaya Publishing House Limited, 1961.
- Overbeck, H, Rejang in Malay Pantuns, JSBRAS, 67, 1914, pp 219-220.
- Overbeck, H, The Malay Pantun, JSBRAS, 85, 1922, pp 4-28.

- Pantouns malais, Choix, traduction du malais et présentation par Georges Voisset, Paris: Orphée/La Différence, 1993.
- Pantun Pilihan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Pantun Serbanika, susunan Abdul Halim "R", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.
- Tham Seong Chee, Pantun Sebagai Suatu Gejala Budaya Melayu, Dewan Bahasa, Nov 1970, hlm 497-504.
- Thomas, Phillip L, Syair and Pantun Prosody, Indonesia, 27, 1979, pp 51-67.
- Thomas, Phillip L, Long and Short Pantun Lines, Review of Indonesian and Malaysian Affairs, 14, 1980, pp 23-39.
- Voyat, R, Promenades malaises, Parallèles, Cahiers de l'Ecole de traduction et d'interprétation, Université de Genève, 14, 1992, pp 27-53.
- Wilkinson, R J and R O Winstedt, Pantun Melayu, Singapore, Malaya Publishing House Ltd, 4th printing, 1961.
- Xu, You Nian, A Comparison of Malay Pantuns dan Chinese Folksongs, Revue de littérature comparée, 238, 1986, pp 149-167.

Nota Kaki

- ¹ Misalnya dalam ayat yang berbunyi begini: "Something akin to the Malay Pantun is to be found in the Chinese Language", p.12, JSBRAS, Vol.85, 1992, pp.4-28.
- ² Kumpulan Pantun Melayu, DBP, 1983, mengandungi 2,052 rangkap pantun akan tetapi dalam koleksi pantun, yang berjudul "Kurik Kundi Merah Saga; Kumpulan Pantun Lisan Melayu" yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, pada tahun 1990, terdapat hampir 6,000 rangkap pantun!
- ³ Dari semasa ke semasa pantun masih dibincangkan pada zaman ini. Satu kajian mutakhir ialah rencana yang ditulis oleh Rahman Shaari yang berjudul "Rima Dalaman, Rentak dan Nafas dan Nafas Melayu dalam Pantun, Pelita Bahasa, Februari 1996, hlm 16-17.
- ⁴ Saya memilih sajak Dinasti Tang, iaitu pada abad 7-10, oleh kerana - walaupun sajak bermula begitu awal dalam sejarah China dan merupakan jenis sastra yang paling digemari dan yang paling mashyur dalam sejarah sastra China - sajak-sajak itu bermula menggunakan sifat keselarian dalam sajak lapan baris di antara baris 3 dan 4 serta 5 dan 6.
- ⁵ Misalnya dalam karya James J Y Liu, *The Art of Chinese Poetry*, Chicago, The University of Chicago Press, 1962, sifat ini dinamakan "antitesis" dan bukan "keselarian". Malah bab yang khusus tentang perkara ini hanya mengandungi 5 halaman. Di samping itu banyak buku yang menjelaskan sajak dinasti Tang langsung tidak membincangkan sifat "keselarian" atau "antitesis" ini, misalnya: "A Hundred and Seventy Chinese Poems" translated by Arthur Waley, London, Constable) and Co. Ltd, 1918, atau "The Works of Li Po, The Chinese Poet. Done into English Verse by Shigeyoshi Obata", New York, Paragon Book Reprint Co, 1965.
Memang seringkali disebut pula bahawa keselarian yang wujud dalam sajak China begitu penting. Misalnya dalam karya Henry, H Hart, "Poems of the Hundred Names", Stanford University Press, 194, terdapat ayat yang berbunyi begini: "The Most effective device employed in Chinese verse is parallelism" (pada halaman 23). Malangnya huraian tentang sifat ini tidak panjang lebar.
Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada mahasiswi Universiti Kebangsaan Singapura, Cik Chua Sze Ying yang telah membantu mencari bahan mengenai sajak Dinasti Tang.
- ⁶ Misalnya dalam karya F R Dailie, *Alam Pantun Melayu, Studies on the Malay Pantun*, Kuala Lumpur, DBP, 1988, pada halaman 98.
- ⁷ Golongan 1 mengandungi beberapa rangkap pantun, misalnya pantun 4, 6 dan 7. Golongan 2 merujuk kepada pantun 388 dan seterusnya. Golongan 3 merujuk kepada pantun 470 dan seterusnya. Golongan 4 merujuk kepada pantun 484 dan seterusnya. Golongan 5 merujuk kepada pantun 807 dan seterusnya. Golongan 6 merujuk kepada pantun 823 dan seterusnya. Golongan 7 merujuk kepada pantun 888 dan seterusnya. Golongan 8 merujuk kepada 1453 dan seterusnya. Golongan 9

merujuk kepada pantun 1544 dan seterusnya. Golongan 10 merujuk kepada pantun 2477 dan seterusnya. Golongan 11 merujuk kepada pantun 2850 serta 2836 dan seterusnya. Golongan 12 merujuk kepada pantun 3869 dan seterusnya. Golongan 13 merujuk kepada golongan 3702 dan seterusnya.

⁸ Dalam Dewan Bahasa, keluaran September 1963, hlm 402-406.

⁹ Dalam bab empat karyanya “Le degré zéro de l'écriture” (Paris: Editions du Seuil, 1953) atau dalam terjemahannya daripada bahasa Perancis ke dalam bahasa Melayu: “Penulisan pada Tahap Kosong” (Kuala Lumpur: DBP 1988).

©©©©©©©©

OTHER TITLES IN THE SERIES

Seminars and Occasional Papers Series

1. Noor S I, "Sastera Melayu Singapura; Penulis dan Ketukangannya (Satu Pengalaman)", No 1/2, 1990/91.
2. Masuri S N, "Penulis dan Ketukangannya", No 1/2, 1990/91.
3. Syed Isa bin Mohamed Semait, "Amalan Islam Dalam Sebuah Negara Sekular", No 2, 1990/91.
4. Muhammad Ariff Ahmad, "Bahasa Melayu Pada Hari Ini: Satu Pandangan Peribadi", No 3, 1990/91.
5. Sidek Saniff, "Education and Singapore Malay Society: Prospects and Challenges", No 4, 1990/91.
6. Zainul Abidin Rasheed, "Muis and Mendaki: Current and Future Challenges", No 5, 1991/92.
7. Tham Seong Chee, "Defining 'Malay'", No 6, 1992/93.
8. Laurent Metzger, "Introducing Modern Malay Literature: The Thematic Approach", No 7, 1992/93.
9. Zulkifli Mohammed, "Majlis Pusat: Contemporary Developments and Future Challenges", No 8, 1992/93.
10. Abdullah Tarmugi, "Development of the Malay Community in Singapore: Prospects and Problems", No 9, 1992/93.
11. Harry G Aveling, "Contemporary Literary Theory and the Study of Malay Literature", No 10, 1992/93.
12. Tham Seong Chee, "Arah-arrah Perkembangan Kebudayaan Melayu: Suatu Penilaian", No 11, 1993/94.
13. Laurent Metzger, "Perkembangan Laras Kejuruteraan Dalam Bahasa Melayu", No 12, 1993/94.
14. Tham Seong Chee, "Malay Family Structure: Change and Continuity with Reference to Singapore", No 13, 1993/94.
15. Tham Seong Chee, "Islam and Secularism: Dynamics of Accommodation", No 14, 1993/94.
16. Tham Seong Chee, "Budaya Melayu, Budaya Cina dan Islam: Mencari Sintesis dan Imbangan dalam Proses Pembudayaan Islam di dalam Masyarakat Majmuk", No 15, 1993/94. (Text in Malay)

17. Othman Haron Eusof, "Malay Participation in the Labour Market: Challenges & Opportunities", No 16, 1994/95.
18. Harun A Ghani, "Cabaran-cabaran Yang Dihadapi oleh Masyarakat Melayu Singapura dalam Pembangunan Sosial", No 17, 1994/95.
19. Yatiman Yusof, "Islam in the East-West Debate", No 18, 1994/95.
20. Tham Seong Chee, "Values and Development in Singapore", No 19, 1994/95.
21. Hussin Mutalib, "Singapore Malays, 1819-1994: A Bibliographic Survey", No 20, 1995/96.
22. Tham Seong Chee, "Cultural Forces and Counter Forces in Contemporary Singapore", No 21, 1995/96.
23. Tham Seong Chee, "Values and Development: Some Reflections", No 22, 1995/96.
24. Daniel C Ajamiseba, "A Case Study among the Sasak language speakers", No. 23, 1996/97
25. Harry G Aveling, "Approaching Islam and Malay Society in the work of Shahnnon Ahmad", No. 24, 1996/97

Literature Series

1. Sutardji Calzoum Bachri, "Black Soup" (translated by Harry G Aveling), No 1, 1992/93.
2. Sapardi Djoko Damono, "Black Magic Rain" (translated by Harry G Aveling), No 2, 1994/95.
3. Arifin C Noer, "Good Morning, Jajang" (translated by Harry G Aveling), No 3, 1994/95.

Culture Series

1. Zuraihan bte Isahak, "Cultural Practice Versus Religious Injunctions: A Study of Keramat Worship in Singapore" (edited by Cheu Hock Tong), No 1, 1995/96
2. Mastura A Rahman, "The Practice of Traditional Cures Among The Malays in Singapore", (edited by Cheu Hock Tong), No 2, 1995/96.